



MEMBELA

WEALTH DISTRIBUTION

YAYASAN
JCORP

Edisi 2026 • Bil 1

Semarak Ramadan: Membantu Golongan Kurang Berkemampuan

Sempena bulan Ramadan, Yayasan JCorp dengan kerjasama krew Borak SeeNi, Astro dan Pertubuhan Jejak Jalanan telah turun padang bagi menyantuni komuniti kurang berkemampuan di sekitar Chow Kit, Kuala Lumpur. Diadakan pada 8 Mac 2026, program ini termasuk aktiviti majlis berbuka puasa bersama penerima bantuan serta agihan pek makanan kering berisi roti, biskut, air mineral, dan set hidangan KFC. Turut hadir ialah YB Dato' Mizan Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, yang meluangkan masa menyantuni komuniti setempat serta menyampaikan sumbangan kepada Pertubuhan Jejak Jalanan yang diketuai oleh pengengaruh tempatan, Abbe Hae.

Selain itu, Sahabat Yayasan JCorp yang terdiri daripada anggota pekerja KPJ Healthcare dan JLG turut membantu mengagihkan kit kesihatan kepada golongan yang memerlukan.



Imbas Kod QR untuk menonton 2 video acara ini:

- Sorotan aktiviti Bantu SeeNi di Chow Kit, Kuala Lumpur
- Sesi temu bual program Borak SeeNi di saluran 105 ASTRO



SDG Berkaitan



Objektif Program

Membantu golongan memerlukan menerusi sumbangan makanan, kit kesihatan, dan program berbuka puasa.

Memperkuh kerjasama dengan NGO dan rakan-rakan media bagi meningkatkan kesedaran dan impak.

Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu kebajikan komuniti bandar melalui publisiti media.

150 asnaf dan gelandangan

menerima sumbangan pek makanan kering, set KFC, dan kit kesihatan.

Impak Program

RM1,000 disumbangkan kepada Pertubuhan Jejak Jalanan.

Selain 2 minit video liputan di lapangan, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp telah tampil dalam temu bual secara langsung selama enam minit di saluran 105, Astro (Borak SeeNi) pada 13 Mac 2026, sekali gus memperluaskan hebahan serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap program ini.

- Jumlah Tontonan di TV: **207,000**
- Jumlah Jangkauan Tontonan di TV: **472,000**
- Jumlah Tontonan di Media Sosial: **23,973**

Isi Kandungan

01 Memperkasa Pendidikan

Ke Arah Kecemerlangan SPM untuk Semua 3

02 Memperkaya Seni, Budaya & Warisan

Pentas Seni Johor @ JB Town Fest 2026 4

03 Memelihara Alam Sekitar

Daripada Pembaziran kepada Sumber Rezeki:
2.5 Tan Makanan Diselamatkan 5

04 Menjamin Kesejahteraan Komuniti

Sinar Harapan untuk Komuniti:
Inisiatif Ramadan Yayasan JCorp 6
Mengasah Kemahiran bagi Memperkasa Kehidupan 7

05 Aktiviti Kumpulan JCorp

Kempen "1 Staf 1 Barang" JHS Mengurangkan Beban
Golongan Memerlukan sempena Aidilfitri 8

06 Kalendar Aktiviti

Suku Tahun yang Dinamik: Aktiviti dan Libat Urus
Yayasan JCorp pada Suku Pertama Tahun 2026 9



Pendidikan



Alam Sekitar



Seni, Budaya & Warisan



Kesejahteraan Komuniti

Ke Arah Kecemerlangan SPM untuk Semua

Seiring dengan perubahan landskap pendidikan serta piawaian terkini peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM),

Yayasan JCorp komited memperkukuh kecemerlangan akademik pelajar menerusi projek tuisyen dan pelbagai inisiatif sokongan pembelajaran. Selain memberi tumpuan kepada subjek Bahasa Inggeris dan Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) yang merangkumi Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Yayasan JCorp turut memperluas sokongan pembelajarannya kepada tiga lagi subjek teras SPM iaitu Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik.

Dalam usaha memperkukuhkan inisiatif tersebut, Yayasan JCorp telah bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) menganjurkan Bengkel Pembangunan Modul Bahan Sokongan Program Kecemerlangan SPM pada 27 dan 28 Januari 2026 di Sungai Johor Eco Retreat (SUNJER), Johor. Bengkel ini bertujuan membangunkan modul

pembelajaran yang komprehensif dan sistematik bagi ketiga-tiga mata pelajaran tersebut, sekali gus membantu pelajar yang memerlukan sokongan akademik secara lebih berfokus. Selain pembangunan modul akademik, bengkel ini turut membangunkan modul psikometrik bagi mengenal pasti gaya pembelajaran, kekuatan serta aspek yang memerlukan penambahbaikan dalam kalangan pelajar, sekali gus membolehkan intervensi pembelajaran yang lebih berfokus dan berkesan. Modul-modul ini akan digunakan untuk Projek Tuisyen Yayasan JCorp.

Inisiatif ini adalah sebahagian daripada projek Geran Khas Hasanah (HSG) 2025 bertema "Each One Matters: No Student Left Behind", yang mencerminkan komitmen berterusan Yayasan JCorp dalam memperluas akses kepada pendidikan berkualiti serta menyokong potensi setiap pelajar dalam mencapai kecemerlangan akademik.

Membangunkan **Modul pembelajaran SPM** berstruktur bagi membantu pelajar.

Objektif Program

Memperkukuh keberkesanan intervensi menerusi pendekatan psikometrik dengan tumpuan kepada keperluan khusus pelajar.

Meluaskan sokongan pendidikan untuk subjek terpilih hingga subjek teras.

150 peserta, termasuk guru-guru, Pegawai Pendidikan Daerah (PPD), dan wakil Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

Impak Program

Modul khas untuk **3 subjek SPM** - Bahasa Melayu, Sejarah, dan Matematik.

Sejak 2025, **RM240,000** telah diperuntukkan bagi Projek Tuisyen Yayasan JCorp.

18,566 pelajar menerima manfaat daripada Projek Tuisyen Yayasan JCorp sejak 2012.

SDG Berkaitan



Pentas Seni Johor @ JB Town Fest 2026

Pentas Seni Johor telah memeriahkan JB Town Fest 2026, sebuah festival jalanan yang menghidupkan suasana pusat bandar Johor Bahru dengan pelbagai aktiviti seni, budaya dan komuniti.

Berlangsung pada 31 Januari 2026 di sekitar Jalan Tan Hiok Nee, Jalan Pahang dan Jalan Dhoby, festival ini mengubah pusat bandar Johor Bahru menjadi ruang apresiasi seni, budaya dan warisan yang meriah. Festival ini menawarkan pelbagai pengisian menarik seperti Jiran-Jiran Town, persembahan kebudayaan, bengkel kreatif, pasar artisan dan jejak warisan, sebelum menutup tirainya dengan kemuncak acara di Jalan Dhoby yang menampilkan konsert, perarakan budaya serta persembahan muzik jalanan. Turut hadir ke festival ini ialah YB Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar MJB; dan

Encik Mohamad Nazrul bin Abd Rahim, Pengarah Tourism Johor; Encik Nor Syazlan bin Abd Razak, Pengarah Yayasan Warisan Johor; dan YB Dato' Mizan Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp.

Pentas Seni Johor mencerminkan komitmen berterusan Yayasan JCorp dalam menyokong agenda Tahun Melawat Johor 2026 dengan mengetengahkan keunikan seni, budaya dan warisan tempatan, sekali gus mengukuhkan daya tarikan Johor Bahru sebagai destinasi pelancongan yang dinamik, kreatif dan inklusif.

Imbas kod QR ini untuk menyaksikan kemeriahan Pentas Seni Johor di JB Town Fest 2026.



SDG Berkaitan



Objektif Program

Platform untuk mengetengahkan seni kreatif tempatan serta meraikan budaya di persekitaran bandar.

Memberi nafas baharu kepada pusat bandar Johor Bahru sebagai **ruang interaksi komuniti**.

Menyokong ekonomi tempatan dengan mewujudkan **peluang penajaan pendapatan** kepada usahawan dan penggiat seni kreatif tempatan.



02 • SENI, BUDAYA & WARISAN

15 persembahan dan aktiviti **seni budaya** dijalankan sepanjang festival.

2,500 pengunjung ke JB Town Fest 2026.

Melibatkan **15 peniaga tempatan** di Kawasan IIBD.

Impak Program

226 artis dan artisan menampilkan bakat dan hasil seni mereka di Pasar Kreatif.

RM64,200 dijana oleh peniaga sepanjang festival.



Selamatkan Lebih 2.5 Tan Makanan Lebihan: Kurangkan Pembaziran Makanan

Dengan kerjasama rakan strategik, Yayasan JCorp menjayakan program MYSaveFood bagi membantu golongan yang memerlukan sepanjang Ramadan. Dilaksanakan di lapan daerah iaitu Kulai, Johor Bahru, Segamat, Batu Pahat, Mersing, Kota Tinggi, Muar dan Renggam, inisiatif ini berjaya menyelamatkan lebih 2.5 tan lebihan makanan daripada bazar Ramadan untuk diagihkan kepada komuniti asnaf dan B40. Usaha ini mengurangkan pembaziran makanan sepanjang musim perayaan, di samping memastikan makanan yang tidak terjual dimanfaatkan untuk tujuan kebajikan. Bagi memudahkan urusan logistik serta menjamin ketelusan, aplikasi mudah alih ReMeal digunakan untuk merekod, mengasingkan, dan mengagihkan semula makanan secara digital dan Sahabat Yayasan JCorp yang terdiri daripada anggota pekerja Johor Corporation dan Syarikat Dalam Kumpulan, termasuk JPG, JLG dan Hospital Pakar KPJ Pasir Gudang.

Program ini disokong oleh Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor, Gerakan Pengguna Siswa, Sahabat Yayasan JCorp daripada Johor Corporation dan Kumpulan Syarikatnya, serta rakan strategik termasuk JPG, JLG dan Hospital Pakar KPJ Pasir Gudang.

Imbas Kod QR ini untuk menyaksikan aktiviti MYSaveFood.



SDG Berkaitan



Objektif Program

Mengurangkan pembaziran makanan dengan menyelamatkan dan mengagih semula makanan tidak terjual sepanjang bulan Ramadan.

Menyantuni golongan asnaf dan B40 menerusi agihan lebihan makanan di seluruh Johor.

Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan mengurangkan pembaziran makanan dan memelihara alam sekitar.

Impak Program

Lebih **2.5 tan** lebihan makanan di bazar Ramadan berjaya diselamatkan.

3,967 penerima manfaat termasuk asnaf dan B40.



Sinar Harapan untuk Komuniti: Inisiatif Ramadan Yayasan JCorp

Sepanjang bulan Ramadan, Yayasan JCorp terus memperkukuh komitmennya untuk menyantuni masyarakat melalui pelbagai inisiatif kebajikan, kelestarian dan kesejahteraan, sekali gus memperluas manfaat kepada komuniti.

Bagi tahun kedua berturut-turut, Yayasan JCorp meneruskan penganjuran program komuniti *Threads of Blessing* sebagai usaha menyantuni keluarga yang memerlukan menerusi agihan pakaian raya terpakai hasil sumbangan anggota pekerja Yayasan JCorp, Kumpulan JCorp serta orang ramai. Penyerahan sumbangan pakaian telah diadakan pada 14 Mac 2026 di Masjid Sultan Iskandar, Bandar Dato' Onn, dan 18 Mac 2026 di Masjid An-Nur Larkin Sentral.

Selain membawa kegembiraan kepada para penerima menyambut Hari Raya Aidilfitri, inisiatif ini turut menyokong usaha kelestarian dengan mengurangkan sisa tekstil melalui amalan guna semula pakaian.

Selain *Threads of Blessing*, Yayasan JCorp turut memupuk semangat kebersamaan sepanjang bulan Ramadan menerusi pelbagai inisiatif kebajikan, termasuk sumbangan kepada Program Prihatin Syawal anjuran Mutiara Johor Corporation, sumbangan kepada Waqaf An-Nur, serta kerjasama dengan Southern Volunteers dalam Program Kotak Rezeki Ramadan bagi menyediakan bantuan makanan asas kepada golongan yang memerlukan.

Membantu golongan yang memerlukan dalam menyambut Ramadan dan Syawal.

Objektif Program

Memupuk semangat kesukarelawanan dan empati dalam kalangan anggota pekerja Kumpulan JCorp dan rakan-rakan strategik.

Menggalakkan amalan penggunaan semula pakaian bagi mengurangkan sisa tekstil.

SDG Berkaitan



1,201 baju raya dikumpul menerusi inisiatif *Threads of Blessing*.

RM20,000 disumbangkan untuk Program Prihatin Syawal anjuran Mutiara Johor Corporation.

25 Sahabat Yayasan JCorp terdiri daripada anggota pekerja JCorp, JPG, JLG dan Hospital Pakar KPJ Johor menyertai program ini.

Impak Program

500 Kotak Ramadan Rezeki diagihkan.

RM20,000 disalurkan kepada Waqaf An-Nur sempena Ramadan Mosque Open Day.

04 • KESEJAHTERAAN KOMUNITI





Imbas kod QR untuk menyaksikan video perkongsian pengalaman para peserta.



SDG Berkaitan



Objektif Program

Latihan kemahiran praktikal

sesuai dengan keupayaan peserta.

Melengkapkan peserta

dengan kemahiran menjana pendapatan.

Menyokong pembangunan kemahiran

menerusi kerjasama strategik antara pelbagai agensi.

Membuka Peluang Melalui Pembangunan Kemahiran

Sebagai penghargaan untuk peserta yang menamatkan program latihan pesara dan orang kurang upaya (OKU) sepanjang Julai hingga Oktober 2025, Yayasan JCorp menganjurkan Majlis Penyampaian Sijil pada 14 Mac 2026 di Masjid Sultan Iskandar, Johor Bahru. Sijil disampaikan oleh YB Dato' Mizan bin Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp kepada semua peserta yang berjaya. Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Ts. Dato' Amir bin Md. Noor, Ketua Pengarah Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), Dr. Mohamad Anas Mohamad Anuar, Ketua Pegawai Eksekutif *Johor Skills Development Centre*, serta wakil daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Program latihan pesara dan orang kurang upaya (OKU) ini dijayakan dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO),

Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) dan Johor Skills, yang bertujuan menyokong pembangunan kemahiran dalam kalangan pesara dan komuniti OKU. Sepanjang kursus ini, peserta dalam kalangan pesara mengikuti bengkel Servis dan Penyelenggaraan Penyaman Udara serta Pendawaian Elektrik Asas, manakala peserta OKU mengikuti bengkel Kebersihan dan Pengemasan. Program ini meningkatkan keyakinan, pengetahuan, dan keupayaan peserta, sekali gus membuka peluang pekerjaan selepas tamat program.

4 bengkel kemahiran

penyaman udara, pendawaian, kebersihan, dan pengemasan.

77 peserta dalam kalangan pesara dan OKU.

Impak Program

27 peserta berjaya mendapat kerja di pelbagai sektor.



Kempen "1 Staf 1 Barang" JSH Membantu Golongan Memerlukan sempena Aidilfitri

Hospital Pakar KPJ Johor (JSH) melaksanakan inisiatif tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) bertema "1 Staf 1 Barang" sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2026.

Memasuki tahun ketiga, program tahunan ini bertujuan mengurangkan beban golongan kurang berkemampuan selain memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan penduduk di sekitar Johor Bahru.

Menerusi penyertaan secara sukarela anggota pekerja hospital, pelbagai barangan keperluan seperti beras, minyak masak, gula, dan lain-lain telah dikumpul dan diagihkan kepada mereka yang memerlukan.

Pada tahun ini, JSH juga bekerjasama dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (MRCS) dan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) bagi memperkukuh pelaksanaan program ini. Lawatan ke rumah diadakan pada 18 dan 19 Mac 2026, bagi menghantar sumbangan kepada keluarga yang memerlukan di sekitar Johor Bahru.

JSH berharap agar inisiatif ini akan diteruskan dan mendorong lebih banyak organisasi untuk memupuk budaya prihatin dan semangat kesukarelawanan khususnya semasa musim perayaan.

Menyokong komuniti kurang berkemampuan menerusi sumbangan barangan makanan selain memupuk semangat keprihatinan dan tanggungjawab sosial.

Objektif Program

Mendorong penyertaan aktif anggota pekerja hospital dalam aktiviti kesukarelawanan dan jangkauan masyarakat.

Memperkukuh kerjasama dengan badan kebajikan bagi memastikan bantuan sampai kepada golongan yang memerlukan.

Impak Program

Sejak bermula pada 2024, inisiatif ini telah membantu **300 keluarga**.

Seramai **50 sukarelawan** menyertai program ini.

Membantu lebih **100 keluarga** kurang berkemampuan di Johor Bahru.



SDG Berkaitan



Suku Tahun yang Dinamik: Aktiviti dan Libat Urus Yayasan JCorp pada Suku Pertama 2026

Yayasan JCorp memulakan suku pertama tahun 2026 dengan penuh komitmen, mencerminkan kesungguhannya dalam memacu pertumbuhan inklusif serta pembangunan komuniti di Johor khususnya dan Malaysia amnya. Dengan asas yang dibina pada tahun sebelumnya, Yayasan JCorp melaksanakan pelbagai inisiatif baharu dan kesinambungan merentas empat teras utamanya. Setiap inisiatif dibangunkan dan dilaksanakan secara strategik bagi memenuhi keperluan masyarakat pada hari ini. Menerusi tindakan strategik dan kerjasama yang diperkukuhkan, Yayasan JCorp dan pihak-pihak berkepentingan bekerjasama merealisasikan inisiatif-inisiatif ini, memupuk daya tahan, mencipta peluang, dan menyumbang kepada masa hadapan yang mampan dan saksama.





13
Januari
2026

Yayasan JCorp menerima kunjungan hormat Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) di Menara KOMTAR, JBCC. Diketuai oleh YBhg. Dato' Ts. Amir bin Md Noor, Ketua Pengarah PERHEBAT, lawatan ini melibatkan perbincangan mengenai peluang kerjasama di masa hadapan khususnya dalam membina kemahiran bekas anggota Angkatan Tentera bagi meningkatkan kebolehpasaran kerja mereka. Puan Rosita Md Ali, Pengurus Yayasan JCorp, dan Dr. Mohamad Anas Mohamad Anuar, Ketua Pegawai Eksekutif Johor Skills Development Centre, memulakan sesi dengan taklimat mengenai halatuju strategik Yayasan JCorp dan Johor Skills Development Centre (Johor Skills). Perbincangan ini membuka ruang untuk kedua-dua pihak membangunkan inisiatif pembangunan kemahiran yang lebih mampan, sebagai kesinambungan penyertaan 50 pesara tentera dalam bengkel kemahiran untuk pesara bagi bengkel Pendawaian Elektrik Asas dan bengkel Penyelenggaraan Penyaman Udara pada tahun 2025.



27 & 28
Januari
2026

Yayasan JCorp menganjurkan Bengkel Pembangunan Bahan Sokongan untuk Program Kecemerlangan SPM di Sungai Johor Eco Retreat (SUNJER), Johor. Inisiatif dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) ini adalah sebahagian daripada projek Geran Khas Hasanah (HSG) 2025, "Each One Matters: No Student Left Behind."




31
Januari
2026

Yayasan JCorp, menerusi inisiatif utama Seni, Budaya, dan Warisan, Pentas Seni Johor, telah menganjurkan JB Town Fest di sekitar Jalan Tan Hiok Nee, Jalan Pahang, dan Jalan Dhoby. Program ini turut melibatkan aktiviti saringan kesihatan untuk pengunjung yang dilaksanakan oleh Klinik Bergerak Waqaf An-Nur.



3
Februari
2026

Yayasan JCorp mengagihkan 120 kotak makanan kepada pelajar B40 di SMK Seri Kota Puteri, Pasir Gudang. Sumbangan disampaikan oleh Encik Shahrzali Sahlan, Pengurus Yayasan JCorp, dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (Unit Sukan, Belia & Kesukarelawanan) serta Southern Volunteers. Sumbangan ini bertujuan meringankan beban keluarga terlibat di samping menjaga kebajikan setiap pelajar.



6
Februari
2026

Yayasan JCorp mengadakan kunjungan hormat ke Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (YKTLJ). Delegasi Yayasan JCorp diketuai oleh YB Dato' Mizan Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, dan disambut mesra oleh Encik Ikmal Izam Zaini, Ketua Pegawai Eksekutif YKTLJ. Sebagai sebahagian usaha berterusan memperkukuh hubungan dengan rakan komuniti, kunjungan ini bertujuan mengeratkan kerjasama antara kedua-dua pihak, bertukar pandangan serta meneroka peluang untuk inisiatif masa hadapan bagi menyokong individu yang terkesan akibat kanser.



10
Februari
2026

Seramai 112 pelajar menyertai program Pemeraksanaan Pendidikan STEM dan Literasi Tenaga Boleh Diperbaharui. Dikendalikan oleh Profesor Madya Ir. Dr. Shamsul bin Sarip, Timbalan Pengarah Pusat Kelestarian Kampus, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), program ini tertumpu kepada usaha merangkumkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dalam pengalaman pembelajaran para pelajar. Program ini adalah kesinambungan *The Future Powered Project* yang dilancarkan pada tahun lalu, bermula dengan pemasangan sistem fotovolta suria (PV) di Sekolah Agama Tunjuk Laut, Kota Tinggi. Inisiatif ini telah mengubah infrastruktur tenaga bersih sekolah ini menjadi sebuah platform pembelajaran praktikal.



11
Februari
2026

Yayasan JCorp telah mengadakan kunjungan hormat ke Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor. Diketuai YB Dato' Mizan Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, delegasi disambut mesra oleh Encik Hishamuddin bin Abdul Rahim, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor. Kunjungan ini bertujuan memperkukuh hubungan strategik antara kedua-dua pihak, bertukar pandangan mengenai inisiatif komuniti, serta meneroka potensi kerjasama bagi menghasilkan impak jangka panjang yang mampan untuk masyarakat.



12
Februari
2026

Yayasan JCorp telah membuat kunjungan hormat ke Iskandar Regional Development Authority (IRDA). Yayasan JCorp telah mengadakan kunjungan hormat ke Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). Delegasi yang diketuai oleh YB Dato' Mizan Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp ini disambut oleh Puan Kamisah Mohd Ghazali, Ketua Kelestarian & Komuniti IRDA merangkap Pengerusi Iskandar Youth Hub Sdn Bhd. Kunjungan ini bertujuan memperkukuh hubungan kerjasama antara kedua-dua pihak, menggalakkan kerjasama berterusan, serta berkongsi pandangan mengenai pelaksanaan inisiatif komuniti.




23
Februari
2026

Yayasan JCorp membuat kunjungan hormat ke Yayasan Warisan Johor sebagai usaha memperkukuh dan memelihara lanskap seni, budaya, dan warisan negeri. Diketuai YB Dato' Mizan Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, delegasi disambut oleh Encik Nor Syazlan bin Abd Razak, Pengarah Yayasan Warisan Johor. Sesi libat urus ini turut memperkukuh kerjasama erat antara kedua-dua organisasi, termasuk menerusi inisiatif yang sedang dilaksanakan seperti Pentas Seni Johor dan Projek Legasi Johor, yang bertujuan memelihara kelestarian warisan Kain Benang Johor.



24
Februari
2026

Yayasan JCorp menyumbang RM20,000 kepada Program Prihatin Syawal anjuran Mutiara Johor Corporation, yang bertujuan membantu anggota pekerja Kumpulan JCorp yang memerlukan. Sumbangan disampaikan oleh Encik Rozaini Mohd Sani, Pengerusi Yayasan JCorp, kepada Datin Zaidah Zakaria, Pengerusi Mutiara JCorp, dalam Majlis Iftar #TeamJCorp yang berlangsung di The Reserve Glasshouse, Ladang X Sunway Iskandar Puteri.



24
Februari
2026

Yayasan JCorp membuat kunjungan hormat kepada YB Dato' Haji On bin Jabbar @ Jaafar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Sukan, Belia, dan Kesukarelawanan) di Iskandar Puteri. Delegasi Yayasan JCorp diketuai YB Dato' Mizan Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, bersama barisan pengurusan. Kunjungan ini bertujuan menyelaraskan inisiatif kerjasama dengan Kerajaan Negeri Johor bagi memperkukuh usaha dalam pembangunan belia, daya tahan komuniti dan kesukarelawanan melalui kerjasama dengan organisasi bukan kerajaan, termasuk Southern Volunteers yang telah menjadi rakan strategik Yayasan JCorp sejak tahun 2021.



22
Februari -
13
Mac
2026

Yayasan JCorp melancarkan program MySaveFood dengan kerjasama rakan-rakan strategik serta sukarelawan bagi memastikan lebih banyak makanan daripada bazar Ramadan di sekitar Kulai, Johor Bahru, Segamat, Batu Pahat, Mersing, Kota Tinggi, Muar, dan Renggam diagihkan kepada golongan yang memerlukan.



6
Mac
2026

Yayasan JCorp menganjurkan inisiatif *Threads of Blessing* di KOMTAR JBCC, Johor Bahru. Seramai 25 sukarelawan Sahabat Yayasan JCorp yang terdiri daripada anggota pekerja JCorp, JPG, JLG dan Hospital Pakar KPJ Johor berganding bahu dalam proses mengasingkan dan membungkus pakaian raya untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.



8
Mac
2026

Yayasan JCorp membantu golongan kurang bernasib baik menerusi program Bantu SeeNi Bersama Abbe Hae. Dengan kerjasama Team Borak SeeNi, Astro, dan Pertubuhan Jejak Jalanan yang diketuai oleh pempengaruh terkenal Abbe Hae, Yayasan JCorp telah menyumbang pek makanan berisi roti, biskut, air mineral, dan set hidangan KFC kepada golongan gelandangan. KPJ Healthcare Berhad turut menyumbang kit kesihatan kepada 150 penerima.



13
Mac
2026

YB Dato' Mizan bin Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, ditemu bual dalam program Borak SeeNi di Astro Prima yang bertemakan "Seni Sebagai Legasi, Alam Sebagai Amanah". Dalam sesi tersebut, beliau mengetengahkan komitmen Yayasan JCorp dalam memperkukuh pembangunan komuniti melalui pemeliharaan seni, budaya dan warisan serta pemuliharaan alam sekitar demi membentuk masyarakat yang lebih progresif dan mampan. Yayasan JCorp turut mengadakan kunjungan ke Astro Malaysia, di mana delegasi disambut oleh Datin Norashikin Habibur Rahman, Naib Presiden Pembangunan Komersial Astro Malaysia. Delegasi kemudiannya dibawa melawat studio Astro Radio dan Astro Awani bagi mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai ekosistem media Astro. Kunjungan ini turut membuka ruang perbincangan mengenai potensi kerjasama strategik dalam memperluas capaian media sekali gus meningkatkan impak inisiatif serta memacu perubahan positif kepada komuniti.



14
Mac
2026

Yayasan JCorp mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Program Latihan Pesara dan Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid Sultan Iskandar, Johor Bahru. Sijil disampaikan oleh YB Dato' Mizan bin Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, sebagai tanda penghargaan atas kejayaan para peserta menamatkan program.



14 & 18
Mac
2026

Yayasan JCorp menganjurkan program *Threads of Blessing* di Masjid Sultan Iskandar dan Masjid An-Nur, Larkin Sentral. Program ini melibatkan pengagihan pakaian raya terpakai kepada komuniti yang kurang berkemampuan sebagai persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri, di samping menggalakkan amalan penggunaan semula pakaian bagi mengurangkan sisa tekstil.



14 & 15
Mac
2026

Yayasan JCorp menyokong penganjuran inisiatif Lock Up Raya di KotaJail. Program ini menghimpunkan pelbagai elemen warisan, gaya hidup, budaya dan jualan perayaan dalam suasana yang meriah, sekali gus menawarkan pengalaman menarik kepada pengunjung dan seisi keluarga. Selain itu, Lock Up Raya turut menyediakan platform kepada bakat kreatif serta usahawan tempatan untuk mempromosikan dan memasarkan produk mereka. Melalui sokongan terhadap inisiatif seperti ini, Yayasan JCorp terus memperkukuh komitmennya dalam memelihara dan menghidupkan aktiviti seni, budaya dan komuniti, di samping menyumbang kepada usaha merancakkan semula Ibrahim International Business District sebagai destinasi budaya dan pelancongan yang semakin berkembang, selaras dengan aspirasi Tahun Melawat Johor 2026.

Kalendar Acara Akan Datang Suku Kedua Tahun 2026

Tarikh	
1. JCorp Group Sustainability & Yayasan JCorp Open Day 2026	26 & 27 April 2026



Pendidikan	Tarikh
1. DigiLIT: Creating Future Ready Digital Learning Environments @ SK Sayong Pinang	8 April 2026
2. Pelancaran Smart Farming Greenhouse (SRBJ) @ SMK Seri Kota Puteri 2, Johor Bahru	10 Jun 2026
3. Sustainable School STEM Symposium 2026 @ Sekolah Seni Malaysia Johor	11 Jun 2026
4. Pelancaran Smart Farming Greenhouse (SRBJ) @ SMK Tasek Utara, Johor Bahru	30 Jun 2026



Alam Sekitar	Tarikh
1. Satu Benih Sejuta Harapan @ Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat	30 April 2026
2. Waste To Wonders @ B5 Johor Street Market, Johor Bahru	26-27 April 2026



Seni, Budaya & Warisan	Tarikh
1. PSJ x Waste to Wonders @ B5 Johor Street Market, Johor Bahru	26-27 April 2026
2. Pentas Seni Johor Pontian & Festival Rumpun Bugis Johor 2026	22-23 Ogos 2026



Kesejahteraan Komuniti	Tarikh
1. Kerja-Kerja Pengasingan bagi program <i>Threads of Blessing</i>	6 Mac 2026
2. Rezeki Syawal @ Persada Johor International Convention Centre, Johor Bahru	7 April 2026
3. Neurodivergent Raya Fun Run @ UTM Skudai, Johor Bahru	26 April 2026
4. Yayasan JCorp Korban Kasih 2026 @ PPR Melana Indah, Perling	28 Mei 2026





YAYASAN JOHOR CORPORATION

Level 18, Menara KOMTAR
80888 Ibrahim International Business District
Johor Darul Ta'zim, Malaysia

Emel: yayasanjcorp@jcorp.com.my

yayasanjcorp.com.my

 @yayasanjohorcorporation

 @yayasanjohorcorporation

 @yayasanjcorp

 @yayasanjcorp

 @yayasanjcorp